SAMPEL PERCUMA

Trial STPM Semester 1 Sejarah Negeri Sembilan 2019

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

SOALAN PERCUBAAN SEJARAH STPM PENGGAL 1 2019 NEGERI SEMBILAN

Sejarah Dunia (1500-1955)

1. Huraikan ciri-ciri masyarakat maritim di Jepun pada abad ke-16M hingga abad ke-17M

2. Jelaskan sistem pemerintahan persekutuan Amerika Syarikat pada abad ke-18 dan ke-19M

3. Huraikan faktor-faktor perkembangan perdagangan dan perniagaan di Belanda pada abad ke -16 dan 18M

4. Jelaskan idea-idea politik Charles Louis Montesquie semasa era Enlightment di Perancis pada abad ke-18M

5. Bincangkan kesan Perang Dunia Kedua ke atas negara Jepun antara tahun 1945 hingga tahun 1952

6. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran nasionalisme di India pada abad ke-19 Masihi

Skima Jawapan

SKIMA JAWAPAN

SOALAN 1 :

TAJUK	***Huraikan ciri-ciri masyarakat maritim di Jepun pada abad ke-16M hingga abad ke-17M***
PENDAHULUAN	*Masyarakat maritim ialah masyarakat yang bergantung kepada aktiviti berasaskan kelautan. Kemunculan masyarakat maritim di Jepun dikesan sejak abad ke-3 Masihi lagi. Menjelang abad ke-16, Jepun mengamalkan dasar buka pintu dengan menggalakkan kehadiran pedagang Barat .Jepun bangkit sebagai sebuah kuasa maritim di Asia dan masyarakatnya mempunyai ciri-ciri tersendiri sebagai sebuah masyarakat maritim.*
FAKTA	*Masyarakat maritim di Jepun dicirikan melalui **kegiatan ekonomi** yang mereka jalankan.*
HURAIAN/ CONTOH	*Kegiatan ekonomi utama masyarakatnya ialah perdagangan yang berkembang sejak zaman Ashikaga lagi dengan pedagang dari Asia Tenggara. Menjelang zaman Tokogawa perdagangan terjalin dengan China, Vietnam dan Korea.* *Menjelang abad ke-16, Jepun menjalinkan hubungan dengan Barat yang membawa kepada kepesatan kegiatan perdagangan di Jepun.* ***Buktinya,** pedagang-pedagang asing dari Portugal , Belanda dan Sepanyol telah datang ke Jepun dan perdagangan dijalankan di pelabuhan seperti Kyushu, Nagasaki dan Shimoda.* *Pedagang-pedagang Jepun mengeksport tembaga, berlian dan perak manakala barangan yang dimport ialah sutera, tembikar dan tembaga dari China.* *Masyarakat maritim di Jepun juga terlibat dalam aktiviti menangkap ikan yang merupakan sumber ekonomi pentingnya dan mengumpul hasil laut seperti mutiara.* *Perkembangan dalam kalangan masyarakat maritim di Jepun juga mereka terlibat dalam kegiatan membina dan membaiki kapal.*
PENEGASAN ISI	*Jelaslah bahawa kepelbagaian kegiatan ekonomi khususnya kegiatan perdagangan yang berkembang pesat menjadikan masyarakat Jepun muncul sebagai masyarakat maritim.*
FAKTA	*Selain itu, ciri masyarakat maritim di Jepun ialah berkaitan dengan **petempatan.***
HURAIAN/ CONTOH	*Masyarakat maritim Jepun tinggal di kawasan pesisir pantai dan kepulauan.* *Dari segi geografi, Jepun terdiri dari pulau-pulau yang dikelilingi laut*

	dan bentuk muka bumi kepulauan yang bergunung-ganang menyebabkan petempatan didirikan di kawasan pesisir pantai. *Kedudukan berhampiran dengan laut memudahkan mereka menjalankan aktiviti perdagangan, menangkap ikan dan mengutip hasil laut.* *Terdapat juga masyarakat maritim yang tinggal di pelabuhan-pelabuhan di muara sungai seperti pelabuhan Kyushu, Hirohima, Nagasaki dan Shimoda.* *Perkembangan terus berlakudan dapat dilihat apabila pelabuhan-pelabuhan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bekalan air, tempat penginapan dan gudang telah menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan.* *Selain itu, masyarakat maritim juga tinggal di perkampungan nelayan di Yokohama dan mereka menjalankan aktiviti menangkap ikan dan mengutip hasil laut seperti mutiara.*
PENEGASAN ISI	*Jelaslah bahawa petempatan yang berhampiran dengan laut menyebabkan masyarakat Jepun dapat menjalankan kegiatan ekonomi kelautan dan muncul sebagai masyarakat maritim.*
FAKTA	*Masyarakat maritim di Jepun juga mempunyai* ***kemahiran dalam teknologi perkapalan dan pelayaran.***
HURAIAN/ CONTOH	*Masyarakat maritim Jepun mempunyai* ***pengetahuan yang tinggi dalam ilmu pelayara****n seperti ilmu nautika dan kartografi.* *Perkembangan dan perubahan terus berlaku kerana mereka juga mempunyai kemahiran membina kapal dan perahu yang menggunakan teknologi tinggi daripada pedagang Portugal dan Sepanyol.* *Kapal layar yang dikenali sebagai Shuinsen digunakan oleh pedagang Jepun untuk pelayaran jarak jauh seperti ke pelabuhan di Asia Tenggara.* *Kapal jenis ini juga dilengkapi senjata bagi tujuan mempertahankan diri daripada serangan lanun.* *Mereka juga mempunyai kemahiran membina kapal seperti Higaki-kaisen dan Taru-kaisen yang digunakan untuk perdagangan dalam negara antara Osaka dan Edo.* ***Contohnya****, kapal Higaki digunakan untuk mengangkut kargo yang lebih banyak seperti kapas, kain, minyak masak, wain dan beras ke bandar Edo.* *Kapal Taru digunakan untuk menghantar tong-tong berisi wain.*
PENEGASAN ISI	*Tegasnya penguasaan teknologi perkapalan dan pelayaran ini menjadikan masyarakat Jepun dikenali sebagai masyarakat maritim.*
FAKTA	*Masyarakat maritim di Jepun juga terlibat dalam* ***aktiviti penerokaan***

	dan penjelajahan.
HURAIAN/ CONTOH	*Menjelang abad ke-16, pedagang Jepun terlibat dalam aktiviti perdagangan di Asia Tenggara. Kapal-kapal dagang dari Jepun singgah di pelabuhan-pelabuhan yang terletak di Asia Tenggara. Perkembangan terus dapat dilihat dalam kalangan masyarakat maritim di Jepun kerana menjelang abad ke-17 pula, lebih daripada 350 buah kapal Jepun terlibat dalam pelayaran ke luar negeri.* ***Misalnya**, secara purata, Jepun menghantar 14 ekspedisi perdagangan ke negara-negara lain setiap tahun. Masyarakat maritim Jepun juga melancarkan ekspedisi pelayaran ke China, Korea dan Amerika Selatan.*
PENEGASAN ISI	*Jelaslah keupayaan masyarakat maritim Jepun melakukan penerokaan dan penjelajahan membolehkan mereka menguasai laluan laut dan menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih luas.*
FAKTA	*Masyarakat maritim di Jepun juga mempunyai **semangat ingin tahu, sifat berani dan semangat keterbukaan.***
HURAIAN/ CONTOH	*Melalui semangat ini mereka sanggup belayar ke kawasan baharu dan menjalinkan hubungan dengan masyarakat tempatan.* *Perkembangan telah berlaku kerana hasil kesanggupan belayar dan menjalin hubungan dengan masyarakat lain, mereka juga dapat mengetahui adat resam, budaya dan sejarah masyarakat tersebut.* *Semangat ingin tahu mendorong mereka menjalankan kajian mengenai bentuk muka bumi, iklim dan cuaca di sesuatu tempat.* *Mereka juga berani mengharungi pelbagai cabaran ketika belayar di lautan luas.* ***Contohnya**, masyarakat Jepun menerima pengaruh agama Kristian daripada mubaligh Kristian Portugal.* *Perubahan juga didapati dalam kalangan masyarakat maritim di Jepun kerana mereka juga menerima pengaruh agama Buddha dan Confucius daripada masyarakat Cina.* *Shogun Ieyasu mengamalkan dasar terbuka dengan mendapatkan bantuan teknikal dalam bidang pelayaran dan perkapalan daripada orang Sepanyol, British dan Belanda.* *Masyarakat Jepun turut mempelajari teknik membuat tembikar daripada Korea dan menjadi salah satu industri penting di Jepun.* *Perkembangan perdagangan dengan negara Barat menyebabkan mata wang perak digunakan dalam urus niaga di Jepun.*
PENEGASAN ISI	*Tegasnya, sikap dan semangat yang ada pada masyarakat maritim Jepun membolehkan pemindahan idea dan teknologi berlaku dan membawa kepada perkembangan perdagangan.*

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar